

KAJIAN KEMENJADIAN MURID DI SEKOLAH MENENGAH
ISLAM HIDAYAH JOHOR BAHRU, JOHOR.

ZURaida BINTI ZULKAPLI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan Dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
University Teknologi Malaysia

2013

*Ayahanda dan bonda tercinta,
Allahyarham Zulkapli Bin Muhamad dan Pn. Khadijah Binti Awang.
Hj. Razali Bin Sadikin dan Hjh. Azizah Binti Kayat.
Terima kasih atas doa dan sokongan yang diberikan.*

*Teman sejiwa dan suami tercinta,
Nurazuan Bin Razali
Terima kasih kerana memahami dan banyak membantu.*

*Sahabat,
Shahrul Anuar Bin Hadison, Suhaila Binti Mohd Ajib & Simon Louis Arokiasamy
Terima kasih atas budi baik dan perkongsian ilmu.*

*Serta seluruh ahli keluarga dan saudara tercinta,
Terima kasih atas semangat dan sokongan kalian.*

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kehadiran Ilahi, dengan limpah kurnianya Projek Sarjana ini dapat disiapkan tepat pada masanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Haji Hassan Bin Hushin selaku penyelia kerana banyak mencurahkan ilmu, memberi bimbingan dan tunjuk ajar bagi menyiapkan projek ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada tenaga pengajar yang lain yang telah menyampaikan ilmu yang bermanfaat sepanjang tempoh pengajian.

Tidak lupa kepada pihak pengurusan sekolah dan warga SMIH yang banyak membantu sepanjang tempoh kajian.

Tidak ketinggalan kepada semua teman-teman seperjuangan yang banyak berkongsi maklumat dan memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan projek ini.

Ribuan terima kasih diucapkan. Semoga jasa baik kalian mendapat rahmat dan keberkatan dari ilahi.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat konsepsi kemenjadian murid menurut pandangan warga Sekolah Menengah Islam Hidayah (SMIH), Johor Bahru. Kajian ini juga turut melihat

program yang dilaksanakan terhadap kemenjadian murid. Peranan warga sekolah juga dikaji untuk melihat peranan mereka terhadap kemenjadian murid. Penyelidik juga mengkaji penambahbaikan boleh diambil untuk meningkatkan kemenjadian murid di SMIH, Johor Bahru. Kajian kes ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Dapatan kajian diperoleh melalui temubual. Sepuluh orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada Pengetua SMIH, Penolong Kanan, Penyelia Asrama, Kaunselor, Ibu Bapa, Alumni, Guru Tarbiah, Guru Akademik, Guru Tahfiz dan juga Kakitangan Sokongan. Hasil kajian mendapati konsepsi kemenjadian murid menurut warga SMIH ialah melahirkan pemimpin, insan rabbani, insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan interlek (JERI) dan insan yang mengamalkan ilmu yang dipelajari. Program-program yang dikenalpasti menyumbang kepada kemenjadian murid adalah program akademik, ko-kurikulum dan tarbiah. Peranan warga SMIH terhadap kemenjadian murid adalah sebagai agen pelaksana dan agen penyokong. Hasil kajian juga mencadangkan warga SMIH perlu melakukan penambahbaikan dari aspek perkongsian visi, kejelekitan dan kualiti diri supaya dapat melestarikan kemenjadian murid di sekolah tersebut.

ABSTRACT

This study aims to identify the conceptual of student excel in the eyes of citizens Hidayah Islamic School (SMIH), Johor Bahru. This study also view programs on student excel. Also studied was the role of the school community towards student excel. Researchers are also studying improvements can be taken to improve the student excel in SMIH, Johor Bahru. This

case study was conducted using qualitative research methods. The findings obtained through interviews. Ten respondents involved in this study consisting of SMIH Principal, Senior Assistances, Hostel Supervisor, Counselors, Parents, Alumni, Tarbiah Teacher, Academic Teachers, Tahfiz Teacher and Support Staffs. The study found that according to the SMIH citizens, student excel conception are to create leaders, to produce Rabbani human, JERI's balanced human and practiced knowledge human. Identified programs that contribute to student excel are academic, co-curricular and tarbiah. The roles of SMIH citizens in student excel are as implementing and supporting agent. The findings also suggest SMIH citizens should improves in terms of shared vision, cohesion and self quality to sustain student excel in the school.

ISI KANDUNGAN

BAB PERKARA

MUKA SURAT

PENGESAHAN STATUS TESIS	
PENGESAHAN PENYELIA	
HALAMAN JUDUL	i
HALAMAN PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

case study was conducted using qualitative research methods. The findings obtained through interviews. Ten respondents involved in this study consisting of SMIH Principal, Senior Assistances, Hostel Supervisor, Counselors, Parents, Alumni, Tarbiah Teacher, Academic Teachers, Tahfiz Teacher and Support Staffs. The study found that according to the SMIH citizens, student excel conception are to create leaders, to produce Rabbani human, JERI's balanced human and practiced knowledge human. Identified programs that contribute to student excel are academic, co-curricular and tarbiah. The roles of SMIH citizens in student excel are as implementing and supporting agent. The findings also suggest SMIH citizens should improves in terms of shared vision, cohesion and self quality to sustain student excel in the school.

ISI KANDUNGAN

BAB PERKARA

MUKA SURAT

PENGESAHAN STATUS TESIS	
PENGESAHAN PENYELIA	
HALAMAN JUDUL	i
HALAMAN PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv

1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	2
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Objektif Kajian	3
1.5	Persoalan Kajian	4
1.6	Rasional Kajian	4
1.7	Batasan Kajian	5
1.8	Definisi Istilah	5
1.8.1	Kemenjadian Murid	5
1.8.2	Pencapaian Akademik	6
1.8.3	Ko-kurikulum	6
1.8.4	Sahsiah	7
1.8.5	Warga	7
1.9	Rumusan	8

2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	9
2.2	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025	9
2.3	SKPM 2010	11
2.4	Kemenjadian Murid	11
2.4.1	Aspek Kurikulum	12
2.4.2	Aspek Ko-Kurikulum	15
2.4.3	Aspek Pembangunan Sahsiah	16
2.5	Kemenjadian Murid di SMIH, Johor Bahru	17
2.5.1	Pencapaian Akademik di SMIH, Johor Bahru.	17
2.5.2	Debat SMIH, Johor Bahru.	20
2.5.3	Konstrak Sistem Pentaksiran Pelajar Ikram Musleh (SPPIM)	22
2.6	Kemenjadian Guru	23

3	SEKOLAH KAJIAN	
3.1	Pengenalan	26
3.2	Latarbelakang SMIH, Johor Bahru.	26
3.3	Kurikulum SMIH, Johor Bahru.	27
3.4	Ko-Kurikulum SMIH, Johor Bahru.	28
3.5	Silibus Tarbiah	29
3.6	10 Muwasofat	33
3.7	10 Wasiat Imam Hassan Al-Banna	37
4	METODOLOGI	
4.1	Pengenalan	39
4.2	Rekabentuk Kajian	40
4.3	Lokasi Kajian	40
4.4	Populasi dan Sampel Kajian	40
4.5	Prosedur Pengumpulan Data	41
4.6	Instrumen Kajian	41
4.6.1	Temubual	41
4.6.2	Analisis Dokumen	42
4.6.3	Laporan Akhbar dan Majalah	42
4.7	Kesimpulan	43
5	DAPATAN KAJIAN	
5.1	Pengenalan	44
5.2	Temubual	44
5.2.1	Transkrip Sesi Temubual Bersama Pengetua SMIH, Johor Bahru.	45

5.2.2	Transkrip Sesi Temubual Bersama GPK Pembangunan Sahsiah Pelajar SMIH, Johor Bahru	47
5.2.3	Transkrip Sesi Temubual Bersama Ibu Bapa	49
5.2.4	Transkrip Sesi Temubual Bersama Alumni SMIH, Johor Bahru	51
5.2.5	Transkrip Sesi Temubual Bersama Kaunselor SMIH, Johor Bahru.	52
5.2.6	Transkrip Sesi Temubual Bersama Guru Akademik SMIH, Johor Bahru.	54
5.2.7	Transkrip Sesi Temubual Bersama Guru Tahfiz SMIH, Johor Bahru.	56
5.2.8	Transkrip Sesi Temubual Bersama Guru Tarbiah SMIH, Johor Bahru.	58
5.2.9	Transkrip Sesi Temubual Bersama Penyelia Asrama SMIH, Johor Bahru	59
5.2.10	Transkrip Sesi Temubual Bersama Kakitangan Sokongan SMIH, Johor Bahru.	61
5.3	Analisis Temubual	63
5.3.1	Analisis Temubual Soalan 1	63
5.3.2	Analisis Temubual Soalan 2	67
5.3.3	Analisis Temubual Soalan 3	71
5.3.4	Analisis Temubual Soalan 4	75
5.4	Kesimpulan	78

6 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	79
6.2	Rumusan	80
6.3	Perbincangan Dapatan Kajian	81
6.3.1	Konsepsi Kemenjadian Murid Menurut Warga SMIH, Johor Bahru.	81
6.3.2	Program- Program Yang Berjaya Membentuk Kemenjadian Murid Di SMIH, Johor Bahru.	83

6.3.3	Peranan Warga SMIH, Johor Bahru Terhadap Kemenjadian Murid.	85
6.3.3	Penambahbaikan Untuk Meningkatkan Kemenjadian Murid Di SMIH, Johor Bahru.	86
6.4	Cadangan Tindakan Berdasarkan Hasil Perbincangan	88
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	88
6.6	Penutup	89
RUJUKAN		90
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Rekod Pencapaian PMR Tahun 2007 Hingga Tahun 2012	17
2.2	Rekod Pencapaian SPM Tahun 2007 Hingga Tahun 2012	18
3.1	Tajuk Silibus Tarbiah Peringkat 01	29
3.2	Tajuk Silibus Tarbiah Peringkat 02	30
5.1	Analisis Temubual Soalan 1	63
5.2	Analisis Temubual Soalan 2	67
5.3	Analisis Temubual Soalan 3	71
5.4	Analisis Temubual Soalan 4	75

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
6.1	Kerangka Konseptual Kemenjadian Murid di SMIH, Johor Bahru.	80
6.2	Kerangka Konsepsi Kemenjadian Murid di SMIH, Johor Bahru.	81
6.3	Progam Kemenjadian Murid di SMIH, Johor Bahru.	83
6.4	Peranan Warga SMIH, Johor Bahru.	85
6.5	Penambahbaikan Kemenjadian Murid di SMIH, Johor Bahru.	86

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

JERI	-	Jasmani Emosi Rohani Interlek
KBAM	-	Kurikulum Berasaskan Aqidah Musleh
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KRS	-	Kadet Remaja Sekolah
MDP	-	Majlis Diskusi Pelajar
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PPH	-	Pusat Pendidikan Hidayah
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PRS	-	Pembimbing Rakan Sebaya
SKPM	-	Standard Kualiti Pembelajaran Malaysia
SMIH	-	Sekolah Menengah Islam Hidayah
SPIS	-	Sukatan Pelajaran Ilmu Syariah
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPPIM	-	Sistem Pentaksiran Pelajar Ikram Musleh
SRIH	-	Sekolah Rendah Islam Hidayah

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

TAJUK

- | | |
|---|---------------------------------------|
| 1 | Soalan Temubual Bersama Warga SMIH |
| 2 | Soalan Temubual Bersama Ibu Bapa SMIH |
| 3 | Surat Pengesahan Status Pelajar |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sejarah Pendidikan Islam di Malaysia bermula selepas Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran Malaysia 1961 (Zainal Abidin Kadir, 1994). Perakuan dalam kedua-dua penyata dan akta tersebut memperuntukkan supaya Pendidikan Islam atau matapelajaran Islam diajar di mana-mana sekolah yang didaftarkan dan terdapat sekurang-kurangnya 15 orang murid beragama Islam (education act, 1961). Hasil daripada perakuan akta tersebut maka pelajaran Pengetahuan Agama Islam diajar di sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan. Pada mulanya pelajaran pengetahuan Agama Islam diajar diluar jadual waktu sekolah (sekolah petang). Sehingga tahun 1962 barulah matapelajaran Pengetahuan Agama Islam dimasukkan ke dalam jadual waktu rasmi sekolah dengan peruntukan sebanyak 120 minit seminggu. (Zainal Abidin Kadir, 1994).

Namun peruntukan pendidikan bagi mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam yang sedikit tidak dapat memenuhi permintaan ibu bapa yang inginkan Pendidikan Islam yang lebih mendalam sebagai bekalan ilmu dunia dan akhirat kepada anak-anak mereka. Jesteru itu, terdapat banyak sekolah-sekolah swasta yang berkonsepkan pendidikan agama/deeniah ditubuhkan di Malaysia. Ibu bapa yang inginkan pendidikan agama yang lebih menyeluruh kepada anak-anak mereka, lebih memilih menghantar anak-anak mereka untuk belajar di sekolah-sekolah swasta

aliran agama yang membekalkan ilmu-ilmu pengetahuan agama Islam yang lebih tinggi, mendalam dan menyeluruh.

Sekolah Menengah Islam Hidayah, Johor Bahru merupakan salah sebuah sekolah agama yang telah lama bertapak di Malaysia. SMIH, Johor Bahru merupakan salah sebuah sekolah swasta yang dikendalikan dibawah Pusat Pendidikan Hidayah (PPH). Pusat Pendidikan Hidayah (PPH) adalah pusat pendidikan swasta yang tidak berorientasikan keuntungan semata-mata. PPH ditubuhkan untuk memberikan sistem pendidikan alternatif yang berteraskan Islam dan diurus secara profesional. PPH terbahagi kepada dua iaitu SRIH Sekolah Rendah Islam Hidayah dan SMIH iaitu Sekolah Menengah Islam Hidayah.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kemenjadian murid dilihat melalui tiga aspek iaitu akademik, ko-kurikulum dan sahsiah. Sekolah Menengah Islam Hidayah merupakan salah sebuah sekolah swasta aliran agama yang berjaya melahirkan ramai pelajar yang cemerlang dalam kesemua aspek tersebut. Ini dibuktikan melalui laporan-laporan akhbar, majalah, laporan analisis peperiksaan, penglibatan dalam arena debat, penglibatan dalam sukan dan sebagainya. Kemenjadian murid di SMIH memang tidak perlu disangkal lagi, umum mengetahui SMIH, Johor Bahru merupakan sekolah swasta yang telah lama bertapak di Selatan tanah air. Untuk melahirkan pelajar yang menjadi dalam konteks matlamat sekolah masing-masing bukanlah sesuatu yang mudah. Penetapan matlamat dan perancangan yang rapi perlu dilakukan.

Bagi merealisasikan matlamat Pusat Pendidikan Hidayah, berbagai usaha dilakukan oleh pihak sekolah. SMIH mempunyai matlamat pendidikan yang tersendiri. Disamping menggunakan 10 Muwasofat sebagai panduan dalam mentarbiah pelajar, SMIH, Johor Bahru juga menggunakan modul tarbiah oleh Imam Hassan al-Banna sebagai panduan. Pelajar yang lahir dari didikan SMIH, Johor bahru diharap dapat menjadi pelajar yang dapat mencapai sasaran modul yang digunakan.

1.3 Pernyataan Masalah

Keberkesanan sesebuah sekolah bergantung kepada kemenjadian murid yang tidak akan dapat dicapai sekiranya pihak-pihak yang terlibat tidak dapat mengenalpasti apakah konsep sebenar kemenjadian murid. Kemenjadian murid di sesebuah sekolah adalah hasil usaha pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pelajar di sekolah. Kemenjadian murid dapat dicapai sekiranya semua pihak yang terlibat memahami dengan jelas apakah matlamat utama mereka terhadap sistem pendidikan yang mereka berikan. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengkaji konsepsi kemenjadian murid menurut pandangan pengetua, ibu bapa dan guru-guru agar semua pihak dapat mengenalpasti dengan jelas apakah kaedah pendidikan yang mereka tawarkan mencapai matlamat sebenar yang mereka harapkan. Ketidak berkesanan program yang dianjurkan oleh pihak sekolah juga tidak dapat membantu meningkatkan kemenjadian murid. Bagi memastikan kemenjadian murid dalam semua aspek tercapai. Pihak sekolah perlu mengenalpasti program yang benar-benar dapat membantu kemenjadian murid.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ialah:

1. Menenalpasti apakah konsepsi kemenjadian murid menurut pandangan warga SMIH, Johor Bahru.
2. Menenalpasti apakah program yang berjaya membentuk kemenjadian murid di SMIH, Johor Bahru.
3. Menenalpasti apakah peranan warga SMIH, Johor Bahru terhadap kemenjadian murid di SMIH, Johor Bahru.
4. Menenalpasti apakah penambahbaikan untuk meningkatkan kemenjadian murid di SMIH, Johor Bahru.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini menjawab persoalan-persoalan kajian seperti di bawah:

1. Apakah konsepsi kemenjadian murid menurut pandangan warga SMIH, Johor Bahru?
2. Apakah program yang berjaya membentuk kemenjadian murid di SMIH, Johor Bahru?
3. Apakah peranan warga sekolah terhadap kemenjadian murid di SMIH, Johor Bahru?
4. Apakah penambahbaikan untuk meningkatkan kemenjadian murid di SMIH, Johor Bahru?

1.6 Rasional

Rasional kajian dijalankan kerana isu kemenjadian murid yang diperkatakan kerana terbukti ramai pelajar dari SMIH mempunyai rekod yang baik dari segi kemenjadian.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah:

1. Hanya tertumpu kepada warga SMIH sahaja.
2. Kedah penyelidikan yang hanya terhad kepada kaedah temubual.
3. Pelajar sebagai subjek tidak dilibatkan dalam kajian ini.

1.8 Definisi Istilah

Beberapa istilah penting daripada tajuk kajian ini perlu diterangkan dengan lebih terperinci untuk mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam bagi memudahkan penyelidikan melakukan kajian. Istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut:

1.8.1 Kemenjadian Murid

Definisi kemenjadian ialah perihal (proses) menjadikan, menciptakan dan mewujudkan sesuatu yang baru (kamus Dewan, 1984). Menjadi pula bermaksud untuk dikenali, dianggap atau diiktiraf terhadap sesuatu yang sebenar-benarnya telah berlaku.

Kemenjadian murid yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah perkara yang sebenar-benarnya telah berlaku terhadap murid dalam aspek kurikulum, kokurikulum dan sahsiah.

Murid ialah harta negara yang perlu dibimbing dan dikembangkan. Tidak ada harta negara yang lebih berharga daripada murid jika mereka dididik dan diasuh mengikut hasrat negara (Kamarudin Hj Kachar, 1981)

1.8.2 Pencapaian Akademik

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2007), pencapaian akademik bermaksud apa yang telah dicapai, dihasil, dan diperolehi dalam peperiksaan yang dijalankan dalam pendidikan formal. Menurut Wallman(1969) menyatakan bahawa akademik adalah sesuatu yang berkaitan dengan pendidikan formal dan pencapaian pula merujuk kepada tingkat kecekapan dalam pelajaran.

1.8.3 Ko-kurikulum

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2007), kokurikulum didefinisikan sebagai sebahagian daripada kurikulum asas iaitu kegiatan atau aktiviti selain matapelajaran yang diajar dalam bilik darjah tetapi dianggap sebagai sebahagian daripada kegiatan pendidikan di sekolah seperti kegiatan persatuan, kegiatan kesukanan dan lain-lain lagi.

Selain itu menurut Sofian (2002) aktiviti kokurikulum yang dimaksudkan sebagai aktiviti terancang dan berstruktur di luar bidang akademik. Aktiviti-aktiviti di luar bilik darjah

dan di luar waktu persekolahan bagi membantu perkembangan individu kumpulan untuk mendapat keseimbangan. Perkembangan mental dalam perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Kegiatan kokurikulum” ertinya apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah.”

1.8.4 Sahsiah

Sahsiah didefinisikan sebagai keperibadian yang dimiliki oleh pelajar untuk menjadi insan yang berguna. Sahsiah mengikut istilah bermaksud keperibadian atau peribadi (Kamus Dewan, 2001). Sahsiah juga merujuk kepada sistem kecenderungan bertingkh laku individu. Ini bererti setiap individu ada cara bertindak yang tersendiri dan cara bertindak itu adalah lebih kurang sama dari sehari ke sehari (Siti Fatimah, 1993:50) Kagan (1988) mentakrifkan sahsiah sebagai corak keseluruhan individu yang merangkumi cara dia berfikir, berasa, bertingkh laku dan cara berhubungnya dengan alam sekitar. Begitu juga menurut takrifan Ee Ah Meng (1997) yang menyatakan sahsiah merujuk kepada pembentukan psikologi seseorang individu secara keseluruhan. Ini merangkumi perangai, kecerdasan, sentiment, sikap, minat, kepercayaan, cita-cita dan nilai-nilai.

Selain itu, sahsiah juga membawa makna peribadi atau personaliti. Ia merujuk kepada traits yang mencirikan peribadi orang berkenaan. Peribadi menggambarkan sifat personaliti individu yang membezakannya daripada orang lain. Sifat sahsiah merangkum gaya hidup, kepercayaan, harapan, nilai, motif, pemikiran, perasaan, budi pekerti, persepsi, tabiat, sikap dan watak seseorang

1.8.5 Warga

Warga SMIH merujuk kepada semua orang yang ada perkaitan dengan SMIH atau bertugas di SMIH, Johor Bahru. Antara warga yang dimaksudkan ialah Pengetua, Guru, Penolong Kanan, Ibu Bapa, Kaunselor, Alumni, Kakitangan Sokongan, dan ramai lagi.

1.9 Rumusan

Kesimpulannya, warga sekolah memainkan peranan yang penting terhadap kemenjadian murid. Semua pihak harus bekerjasama dalam usaha meningkatkan kemenjadian murid. Tanpa kerjasama dari semua pihak terutama warga sekolah itu sendiri, kemenjadian murid tidak dapat dicapai. Seterusnya hasrat kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 yang diberi penekanan terhadap aspek kemenjadian murid melalui dimensi Aspirasi Murid dengan menyasarkan usaha untuk memantap dan memperkasakan kemenjadian murid seperti yang telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan tidak akan tercapai. Oleh itu, semua pihak perlu segera bertindak memainkan peranan masing-masing dengan harapan hasrat kerajaan terlaksana.

pendidikan yang diberi oleh sesebuah sekolah. Menjadi tanggungjawab warga sekolah untuk berusaha memantapkan kemenjadian murid berdasarkan matlamat sekolah masing-masing. Kerjasama antara semua pihak amat penting untuk mencapai kemenjadian murid yang diharapkan. Penambahbaikan program perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk meningkatkan kemenjadian. Program-program yang berjaya membentuk kemenjadian murid di SMIH diharap dapat menjadi inspirasi dan panduan kepada sekolah-sekolah lain tidak kira sekolah kerajaan atau swasta. Harapan kerajaan agar rakyat Malaysia mendapat pendidikan yang sewajarnya melalui pendidikan di sekolah akan tercapai sekiranya sesebuah sekolah dapat melahirkan pelajar yang menjadi dari semua aspek iaitu akademik, ko-kurikulum dan sahsiah.

RUJUKAN

Abdul Halim El- Muhammady (1993). *Pendidikan Islam Era 2020: Satu Penghayatan Menyeluruh*. Dalam Khailani Abdul Jalil & Ishak Ali Shah (Ed.), *Pendidikan Islam Era 2020 Tasawur Dan Strategi*. (hlm. 14-24) Kajang: Bintang Jaya

Ahmaddaras(1999). Persepsi Terhadap Peranan Pengurus Sekolah Dalam Pengurusan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Di Jerantut: Universiti Putra Malaysia.

Arpah Hj. Mohamad. Kesihatan Sekolah (1991). *Peranan dan Tanggungjawab Guru Besar dan Guru*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Haliza Binti Halid Pengurusan Pengajaran Dan Pembelajaran Serta Kokurikulum: Satu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Jalil (SMKAJ), Hulu Langat, Selangor: Universiti Teknologi Malaysia

Hassan Bin Hushin & Nurbaizura Binti Yahya Amalan. Pengurusan Kurikulum Serta Keselamatan Dan Kesihatan Di Sekolah Rendah Islam Hidayah, Johor Bahru: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia

Mohamad Najib Abdul Ghafar. 2003. *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: penerbit UTM

Mohd Anuar Abdul Rahman & Rafidah Manap. Fakulti Pendidikan. Skudai. UTM

Mohd Yusuf Ahmad. (2004). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mok Soon Sang. (2000). *Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.,Edisi Ketujuh.

Razali Arof (1991). *Pengantar Kurikulum*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1989. *Rancangan Kesihatan Sekolah*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Robiah Sidin. (1994). *Pendidikan Di Malaysia: Cabaran Untuk Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som. (1999). *Isu Pendidikan Di Malaysia: Sorotan Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Shahril @ Charil Marzuki *Et Al.* (1995). *Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].